

MENJAWAB BUKU MENUJU PAS BARU

Menerjang **Badai:** 60 Tahun Mempersada Perjuangan



2595
D

RIDUAN MOHAMAD NOR



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Tribut Buat Semua Pemuda-Pemuda PAS
yang Membentengi Wadah Ini

MENJAWAB BUKU MENUJU PAS BARU

Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan

RIDUAN MOHAMAD NOR



PUSTAKA PERDANA



1008745



ISBN: 978-967-5968-06-8

Menerjang Badai: 60 Tahun Mempersada Perjuangan

© Riduan Mohamad Nor

Cetakan Pertama: Januari 2011

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Editor:

Syamsul Hadi Bin Abdul Sukor • emel: mataharipetunjuk@yahoo.com

Rekabentuk Kulit & Rekaletak:

Hafiz Shukur • emel: hafiz7500@gmail.com

Penerbit

JUNDI RESOURCES (1706325-W)

No. 6, Lot 2756

Lorong Padang Balang 8, Padang Balang

51100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan

Tel: 019-372 8844, 017-205 5183

Emel: akhi_karim84@yahoo.com

Laman Web: www.tintajundi.com

Dicetak oleh

PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD


No. 18 & 20, Jalan 4/10B

Spring CRST Industrial Park

68100 Batu Caves Selangor



*K*andungan




• Prolog	v
• Kata Mutiara Presiden PAS	1
1. Menelusuri Sejarah PAS	3
2. Burhanuddin; Islamis Yang Progresif	19
3. Zulkifli Muhammad; Pelengkap Perjuangan	25
4. PAS Dan Kebangkitan Islam	33
5. Dewan Pemuda Terus Mengasak	47
6. Peningkatan Gerakerja Dakwah	63
7. Fenomena Penjelasan Batas-Batas Iman Dan Kufur	69
8. Tangkapan-Tangkapan Isa Terhadap Aktivis PAS Dalam Dekad 80-An	79
9. Era Haji Yusof Rawa	95
10. Pemerintahan PAS Di Kelantan	119
11. 60 Tahun Mempersada Perjuangan; Satu Rumusan	133
12. Menerjang Badai: Segmen Ke-2	139
14. Bibliografi	192
15. Biografi Penulis	201





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Prolog

*A*lhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan terhadap Allah SWT yang telah memberikan kepada kita dengan nikmat Iman dan nikmat Islam, selawat dan salam buat Rasul junjungan yang telah memberikan keteladanan yang baik kepada ummat manusia, menunjukkan jalan dakwah yang panjang buat para daie. Juga generasi Al-Quran yang telah berkuah darah dan bermandi keringat untuk meninggi dan memperkasakan agama Allah di alam buana ini. Terima kasih dan jutaan maaf saya hulurkan kepada pembaca sekalian kerana ketergesaan saya untuk menghasilkan tulisan ini yang mungkin menjadi titik pesona untuk menarik polemik panjang di dalam sebuah gerakan Islam yang terbesar dan berpengaruh di negara ini.

Buku ini diluncurkan untuk menjawab buku 'Menuju PAS Baru' yang telah ditulis oleh sahabat saya Dr. Mujahid Yusof Rawa, seorang sosok penting dalam politik tanahair kita, pemimpin aliran baru yang sedang meningkat naik yang juga anak kepada bekas Presiden PAS dalam era kepimpinan ulama. Saya mengenalinya pertama kali dari jauh pada tahun 1994, apabila Mujahid dijemput untuk menyampaikan ceramah Hijratul Rasul di Kolej Dayasari (Kolej Keempat) Universiti Malaya yang dikenali sebagai kubu kumpulan IRC di kampus tua Universiti Malaya.

Saya dan beberapa teman PAS di kampus hadir untuk mendengar kata-kata yang akan meluncur daripada mulut anak mantan Presiden PAS.

Saya tidak begitu mengingati apakah tarikan pesona terbesar saya dan teman-teman untuk hadir mendengar ceramah Dr. Mujahid, apatah lagi dengan insiden 'berebut mikrofon' di surau Kolej Dayasari sebelum itu, namun mungkin terkesan dengan ujaran teman-teman tentang anak pimpinan PAS yang berseberangan idea dengan wadah PAS. Awal 1990 an dan sebelumnya, kampus bergelut dengan fenomena ikhtilaf, kelompok PAS, ABIM, IRC, Tabligh, Al-Arqam (Hizbut Tahrir belum memunculkan diri), sudah tentu setiap program kampus mempunyai agenda kepuakan walaupun setipis benang hitam putih. Pulang daripada ceramah Mujahid, saya dengan menghela nafas turun naik beberapa kali dengan cepat melupakan beliau, yang sepuluh tahun selepas itu menjadi rakan saya.

Mujahid kali keduanya muncul dalam hidup saya dengan berkesan apabila beliau menjadi Exco Dewan Pemuda PAS Pusat selama dua penggal, dengan pantas kami dalam kumpulan kecil dimadukan kemesraan sebagai anak muda dalam barisan penting pemuda PAS. Kami juga digandingkan beberapa kali dalam program-program forum dan sebagainya. Saya mula tertarik dengan anak muda yang argumentatif ini yang petah berhujah dan menghargai pandangan orang lain. Dalam *team* Dewan Pemuda PAS Pusat, kami melupakan 'bagasi sejarah' seorang aktivis alami di Mesir kerana sahabat ini menunjukkan komitmen yang sangat jitu terhadap jamaah sehingga mengorbankan jawatannya sebagai pensyarah universiti dan sanggup hidup susah mengharungi belantara perjuangan.

PAS pasca Reformasi 1998, dihujani berbondong-bondong profesional dan aktivis muda yang bertenaga, Mujahid adalah antara sosok ini yang tidak mengecewakan dan beliau seorang yang menghargai persahabatan. Dengan legasi bapanya mantan Presiden PAS dan pakej keupayaan kepimpinan yang beliau miliki, tokoh muda ini dengan

pantas mencuri perhatian kawan dan lawan. Anak bongsu Tuan Guru Haji Yusof Rawa ini telah memenangi kawasan Parlimen Parit Buntar apabila berlaku 'tsunami politik' 2008 dan dicalonkan sebagai Naib Presiden PAS dalam pemilihan 2009. Beliau berdiri dalam pimpinan pusat memimpin portfolio hubungan antara kaum, perpaduan nasional yang memerlukan kemahiran yang tinggi untuk menjambatankan pelbagai kaum. Dengan latar belakang pendidikan, beliau sedikit sebanyak membantu kelicinan amanah yang dipertanggungjawabkan PAS Pusat kepada beliau.

Saya menuangkan idea di tengah kesibukan dan kerencaman tugas namun apabila membaca buku tulisan Dr. Mujahid, saya merasa terpenggil dan bertanggungjawab untuk memberikan pandangan kedua. Saya menyemak lembaran demi lembaran yang dituang oleh Dr. Mujahid berulang-ulang kali dan merasa agak tersinggung dengan pemerincian sejarah dan cara beliau mempersepsikan setiap aluran sejarah itu dengan tanggapan sendiri yang cuba dibenarkan dengan tema konflik. PAS sebagai gerakan massa yang menampung kepelbagaian ahli sudah tentu tidak sunyi dengan konflik, begitulah juga dengan gerakan Islam lain di seluruh belahan di dunia, ini tetapi wajah konflik ini ditulis dengan begitu kurang berhati-hati oleh sahabat saya itu.

Terdapat frasa-frasa yang ditulis oleh teman saya itu yang mengganggu tasik ketenangan saya sebagai aktivis PAS, pengkaji sejarah gerakan Islam dan kader dakwah PAS. Saya merasa terganggu apabila menatap lembaran demi lembaran buku "Menuju PAS Baru" terutama galuran sejarah dan pentafsiran sejarah yang telah dibuat, jauh tersasar daripada apa yang telah saya kaji tentang PAS semenjak ijazah pertama di Universiti Malaya seterusnya kajian peringkat ketiga saya dan keterlibatan secara langsung di medan operasi jamaah (saya menjadi Exco Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan semenjak masih belajar di UM, ketika sedang berlumas dengan Diploma Pendidikan). Dua dekad ini saya berikan masa untuk berpartipasi dengan program PAS dan cuba untuk merakam setiap lekukan sejarah yang berlaku dan



juga menjadi aktor kecil di sebalik sketsa politik di tengah jantung kota negara ini.

Sejujurnya terlalu banyak cuplikan yang dibuat daripada bahan sekunder dan diolah dengan persepsi sendiri. Sisi lain pula sumber sejarah dan perkembangan PAS pula banyak ditulis oleh penulis serta akademia yang tidak bersahabat dengan PAS. Begitu juga biografi tokoh-tokoh PAS juga ditulis oleh akademia yang mempunyai hubungan langsung bahkan romantis dengan penguasa. Buku-buku popular juga buku tahapan sekunder, bahkan kajian tentang PAS pula mengutip maklumat daripada surat khabar yang dikenalpasti semenjak dahulu sangat sengit memusuhi PAS. PAS sentiasa bernasib malang dan di kandang orang salah apabila sejarah dan perkembangannya ditulis sebegitu rupa, namun apa pilihan yang ada jika PAS sendiri tidak menguruskan dengan baik urusan arkib PAS dan sedikit berkira dengan geran kajian untuk projek penyelidikan.

Pemerincian Mujahid tentang sejarah gelombang awal PAS, juga tentang tokoh awal PAS seperti Dr. Burhanuddin dan Dr Zulkifli Muhammad juga sangat naïf. Juga babak-babak kebangkitan Islam sehingga memunculkan kepimpinan ulama pada tahun 1982. Menekuni dan melahap setiap lekukan sejarah yang berlaku dalam PAS dengan sisi dan tampang berbeza memerlukan kekayaan bacaan dan penelitian yang mendalam. Alangkah cerdas jika kajian mengenai PAS dirujuk kepada sumber-sumber primer seperti catatan minit mesyuarat, laporan muktamar, memorandum, sebaran terbitan parti, laporan perisikan keselamatan, kaedah temu bual tokoh yang mempunyai dokumen berkaitan kajian.

(ii)

Menelusuri perkembangan organisasi PAS sepanjang keberadaannya di pentas politik nasional adalah cukup penting bagi memahami sumbangan PAS di dalam atmosfera politik dan dakwah negara ini.